

10 OCT 1999

NEGERI SEMBILAN TINGKATKAN PROGRAM PERANGI FITNAH

PORT DICKSON, 10 Okt (Bernama) -- Umno Negeri Sembilan hari ini mempertingkatkan gerakan untuk memerangi fitnah dan pembohongan yang disebarkan oleh parti pembangkang.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata kursus dan sesi penerangan mengenai isu yang dibangkitkan oleh parti pembangkang mula diberikan kepada penceramah untuk membolehkan mereka mengetahui secara mendalam berkenaan sesuatu isu.

Kempen penerangan dari rumah ke rumah juga akan turut diadakan oleh Pemuda Umno dan Wanita Umno negeri, katanya kepada pemberita selepas menutup kursus penceramah pilihan raya kawasan Parlimen Telok Kemang di Pasir Panjang, dekat sini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno semalam bahawa Umno akan mengadakan kempen besar-besaran memerangi fitnah dan pembohongan yang disebarkan oleh parti pembangkang.

Mohamed Isa berkata kempen besar-besaran memerangi fitnah itu akan dijalankan oleh Umno di setiap kawasan dewan undangan negeri dengan setiap kawasan masing-masing akan mempunyai 10 penceramah.

Menurutnya, parti komponen Barisan Nasional yang lain akan mengadakan ceramah serupa.

Yang penting ia perlu diperluaskan ke semua kawasan di negeri ini supaya rakyat tidak terpengaruh dan percaya kepada fitnah oleh parti pembangkang, katanya.

-- BERNAMA

AZ FAZ